

28/01/1998

MT disyor keluaran arahan segera

KUALA LUMPUR, Selasa - Majlis Tertinggi (MT) Umno disyor mengeluarkan arahan segera supaya tiada pertandingan diadakan bagi pemilihan beberapa jawatan parti di peringkat bahagian, pada Mac ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Kota Bharu, Zahari Wahab, berkata arahan daripada pucuk pimpinan parti itu perlu bagi memastikan semua ahli mematuhi garis panduan yang ditetapkan.

Sambil menyokong supaya pertandingan untuk jawatan ketua bahagian tidak diadakan, beliau juga mengesyorkan supaya pemilihan kerusi timbalan dan naib ketua bahagian turut tidak diadakan.

Menurutnya, hanya jawatan ahli jawatankuasa kanan bahagian yang wajar dipertandingkan supaya keharmonian di kalangan ahli dapat dikekalkan.

Semalam, Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata MT akan berusaha untuk memastikan pemilihan bagi jawatan parti di peringkat bahagian dilakukan secara rundingan dan bukan pertandingan.

Perdana Menteri berkata, MT akan menjelaskan kepada anggota dan pemegang jawatan parti supaya mencapai persetujuan di kalangan mereka bagi mengelak pertandingan, demi kepentingan parti.

Menurutnya, prinsip pemilihan di peringkat bahagian Umno tahun ini akan mengutamakan pendekatan kompromi dengan seboleh-bolehnya mencari titik persetujuan oleh semua pihak yang ingin bertanding.

Pemilihan umno peringkat bahagian akan diadakan dari 12 hingga 29 Mac ini.

(END)